

07/05/2002

Satu mata wang Asean untuk kebaikan: PM

KUALA LUMPUR, Isnin - Penggunaan satu mata wang bersama bagi Asean akan memberi banyak kebaikan kepada rantau ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, mata wang tunggal Asean adalah idea yang baik tetapi Eropah mengambil masa 50 tahun sebelum mereka akhirnya bersetuju dengan mata wang bersama.

"Perkara yang terbaik bagi kita ialah melihat dan mengkaji pengalaman Eropah untuk melihat sama ada kita boleh menerima pakai mata wang bersama," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang media selepas memberikan ucapan pada Mesyuarat Agung ke-35 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, menerima pakai mata wang bersama bukanlah kerja yang mudah, terutama bagi Asean yang negaranya lebih berbeza antara satu dengan lain berbanding Eropah.

"Malah, keadaan sekarang pun menunjukkan bahawa masih tidak semua negara Eropah boleh menerima euro sebagai mata wang bersama bagi rantau itu," katanya.

Mengenai tindakan Singapura memeterai perjanjian perdagangan bebas (FTA) dengan pelbagai negara bukan Asean, Dr Mahathir berkata, jika sesebuah negara bergabung dengan semua jenis perkumpulan, ia akan mengelirukan dan mungkin tidak produktif.

"Jika setiap orang menyertai setiap zon ekonomi, maka kita akan menjadi sebuah dunia lengkap. Ia menjadi tidak bermakna selepas sesuatu masa.

"Adalah bermakna bagi negara Asean bergabung kerana daripada segi geografi dan kebudayaan kita adalah amat serupa," katanya.

Sementara itu, mengenai rancangan Thailand membina terusan di Segenting Kra, Dr Mahathir berkata Malaysia perlu menyesuaikan diri dengan perkembangan baru itu nanti.

Bagaimanapun, beliau percaya tidak semestinya jika terusan itu dibina perniagaan orang lain terpaksa ditutup.

"Kita perlu cari jalan bagaimana untuk sama-sama mendapat faedah daripada terusan baru itu," katanya.

Pembinaan terusan yang akan menelan belanja 100 bilion baht (RM10 bilion) dari Lautan Hindi ke Teluk Thailand dijangka bermula pada 2005.

Terusan yang dicadangkan itu pada asalnya akan menyeberangi Segenting Kra, tetapi kini terusan itu akan berlokasi 400 km ke selatan berdekatan sempadan Malaysia-Thailand, 30 km utara Satun dan 24 km selatan Pelabuhan Songkhla.

(END)